LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA (UNARMED GUARD) DI PEJABAT PENTADBIRAN DAN KOMPLEKS RTC FAMA NEGERI KELANTAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP TENDER
FAMA/TENDER 003/2026	**220801**	**05/11/2026 hingga 24/11/2026**	**05/11/2026** **Sesi Taklimat : 12:00 tengahari** **DEWAN MISAI KUCHING PEJABAT FAMA NEGERI KELANTAN LOT 3309, BATU 4 LEBUHRAYA PASIR MAS-SALOR 15150, KOTA BHARU KELANTAN**	**RM 100.00**	**26/11/2026** **(sebelum 12:00 tengahari)**

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
   i) SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)
   ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
   iii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **ATAS TALIAN** melalui sistem SPEED atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**

4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) **di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini**.

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat tender.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan **BORANG PENGESAHAN LAWATAN TAPAK , KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh FAMA semasa menghadiri taklimat tender (sekiranya ada taklimat/lawatan tapak).**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**

7. **FAMA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **FAMA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti tender** seperti alamat di bawah :

SERAHAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI SISTEM SPEED
https://www.speed2u.my/welcome

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12:00 tengahari

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.

10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan SPEED dan memilih pasaran FAMA sebelum membeli dokumen tender.

11. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi FAMA di talian 03-6126 2020 sambungan Unit Perolehan atau emel unitperolehan@fama.gov.my.